



KENYATAAN MEDIA

SIMPOSIUM WANITA DALAM SUKAN

Simposium Wanita dalam Sukan dengan tema *Charting the Future: From Women For Women* adalah julung kali dianjurkan oleh Institut Penyelidikan dan Pembangunan Belia Malaysia (IYRES), Kementerian Belia dan Sukan (KBS) bagi mengangkat aspirasi pemerksaan wanita dalam sukan di Malaysia. Simposium ini merupakan inisiatif KBS melalui Pelan Tindakan Wanita Dalam Sukan 2020-2025 di bawah strategi 4 iaitu Penyelidikan dan Pembangunan.

Tiga objektif utama penganjuran simposium ini adalah untuk meningkatkan kesedaran masyarakat mengenai penglibatan wanita dalam sukan; menentukan tindakan mengikut keutamaan bagi mempromosikan penglibatan wanita dalam sukan; dan menyediakan platform kepada wanita bagi membincangkan peranan mereka dalam sukan. Hasil daripada simposium ini akan dijadikan input bagi menentukan visi dan perancangan berkaitan penglibatan wanita dalam sukan dalam Dasar Sukan Negara; dan membangunkan strategi untuk memastikan remaja perempuan terus kekal aktif dalam sukan massa dan sukan berprestasi tinggi.

Simposium yang berlangsung di RekaScape, Cyberjaya pada 10 September 2020 ini juga boleh disertai secara atas talian yang mensasarkan 200 orang peserta daripada pelbagai Kementerian, Agensi Kerajaan, Swasta, Badan Bukan Kerajaan (NGO), Persatuan Sukan, Sekolah, Institusi Pengajian Tinggi dan orang perseorangan. Pengisian simposium ini mengetengahkan tiga sub tema utama seperti berikut:

- *Breaking Stereotypes:*

Mengupas isu stereotaip masyarakat terhadap penglibatan wanita dalam sukan tertentu yang kebiasaannya disertai oleh golongan lelaki. Isu ini dibincangkan dalam bentuk forum oleh panelis yang terdiri daripada ahli sukan dan pentadbir sukan tempatan dan peringkat serantau.

- *Women on Tracks:*

Membincangkan peranan wanita sebagai pemangkin ke arah gaya hidup yang aktif dan sihat melalui penglibatan dalam sukan sama ada di peringkat individu atau sebagai satu profesion. Isu ini dikupas oleh pakar dan pengamal industri dalam bidang sukan tempatan dan dari negara jiran.

- *Untold Stories:*

Sesi perkongsian inspirasi oleh empat orang atlet dan bekas atlet negara daripada perbagai acara sukan yang menjadi ikon sukan bagi generasi mereka.

INSTITUT PENYELIDIKAN PEMBANGUNAN BELIA MALAYSIA (IYRES)

10 SEPTEMBER 2020